

Tutup asrama: Dakwaan Unisel tidak benar

SHAH ALAM 15 Jan. - Dakwaan Universiti Selangor (Unisel) yang Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Audit Negara mengeluarkan arahan supaya keseluruhan asrama pelajar universiti itu di Bestari Jaya, Kuala Selangor dekat sini, dikosongkan dan ditutup adalah tidak benar.

Jurucakap syarikat konsesi yang menguruskan asrama itu, Jana Niaga Sdn. Bhd. (JNSB), Noor Adilah Mohd. Sidek mendakwa, laporan lawatan tapak yang dikeluarkan JKR Selangor mengesahkan struktur bangunan-bangunan asrama di Unisel Bestari Jaya masih selamat untuk didiami.

Dakwa beliau, hanya kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan perlu dibuat sebagai langkah awal bagi memastikan perkhidmatan sedia ada tidak terjejas akibat mendapan tanah yang berlaku.

"Laporan lawatan tapak itu tidak mengarahkan keseluruhan asrama

di Kampus Bestari Jaya perlu dikosongkan secara serentak. Ini bermakna dakwaan Unisel bahawa JKR dan Jabatan Audit Negara mengeluarkan arahan supaya keseluruhan asrama dikosongkan dan ditutup adalah tidak benar sama sekali.

"Oleh itu, JNSB akan melantik konsultan-konsultan bebas dalam masa terdekat bagi menjalankan siatan terperinci untuk mendapat gambaran sebenar sebelum kerja-kerja pembaikan akibat mendapan tanah dapat dimulakan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Noor Adilah, JNSB juga menyangkal dakwaan Naib Canselor Unisel, Prof. Dr. Anuar Ahmad dalam sebuah akhbar tabloid berbahasa Melayu baru-baru ini, kononnya JNSB menghalang Unisel menjalankan tinjauan di kawasan asrama tersebut.

Malah dakwa beliau, JNSB sen-

diri mencadangkan JKR atau kor sultana bebas dilantik menjalanka pemeriksaan melalui surat bertar kh 14 Jun 2012.

Beliau seterusnya mendakwa Unisel mengambil masa selam hampir enam bulan untuk bertindak dalam isu yang dikatakan boleh mengundang bahaya kepada keselamatan penuntut-penuntutnya.

Pada 31 Disember tahun lalu Anuar melalui laman web rasmi Unisel di www.unisel.edu.my mengeluarkan kenyataan JKR dan Ja batan Audit Negara mengarahkan asrama universiti itu di Bestari Jay ditutup buat sementara waktu untuk kerja-kerja baik pulih.

Pada 3 Januari lalu pula Anuar menjelaskan, proses membaik pulih struktur tanah asrama Unisel yang mendap dijangka mengambil masa setahun dengan anggaran kos antara RM40 juta dan RM60 juta.

